

Gambar: Utusan Malaysia

SEJARAH PENYERTAAN MALAYSIA DALAM SUKAN OLIMPIK

KRONOLOGI

1953

Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan ditubuhkan

1954

Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa mengiktiraf Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan

1956 - Sukan Olimpik Melbourne

- Kali pertama menyertai Sukan Olimpik di Melbourne
- Bertanding sebagai Malaya (MAL)
- Sejumlah 6 orang atlet olahraga, 2 orang atlet renang, 18 orang pemain hoki, 3 orang atlet angkat berat dan 4 orang atlet menembak
- Hanya seorang atlet wanita bertanding dalam acara Olahraga iaitu Cik Annie Choong

1960 - Sukan Olimpik Rom

Malaya hanya menghantar kontinjen kecil yang terdiri daripada sembilan atlet - tiga atlet olahraga, dua renang, dua menembak dan dua angkat berat

1964 - Sukan Olimpik Tokyo

- Secara rasmi bertanding dengan nama Malaysia
- M Jegathesan mencipta sejarah sebagai atlet olahraga pertama melayakkan diri ke separuh akhir dalam acara 200 meter.

1968 - Sukan Olimpik Mexico

M Jegathesan mengulangi kejayaan yang dicipta dengan melayakkan diri ke separuh akhir 200 meter pecut

1972 - Sukan Olimpik Munich

- Pasukan bola sepak Malaysia mencatatkan sejarah apabila layak ke Sukan Olimpik.
- Sejumlah 57 orang kontinjen Malaysia menyertai Sukan Olimpik Munich menjadikan Malaysia negara kedua kontinjen terbesar.
- Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan dikenali dengan nama Majlis Olimpik Malaysia (MOM)

1976 - Sukan Olimpik Montreal

Ishfaq Mubarak mencatat sejarah sebagai atlet kedua berjaya melayakkan diri ke separuh akhir acara olahraga.

1980

Malaysia tidak mengambil bahagian walaupun pasukan bola sepak dan hoki berjaya melayakkan diri ke sukan berkenaan.

1984 - Sukan Olimpik Los Angeles

Malaysia hanya menghantar 20 orang kontinjen yang terdiri daripada 16 orang pemain hoki, seorang atlet olahraga, seorang atlet renang (wanita), seorang atlet menembak dan seorang atlet berbasikal.

1988 - Sukan Olimpik Seoul

- Hanya 9 orang atlet Malaysia ke Sukan Olimpik Seoul yang terdiri daripada 2 orang atlet olahraga (seorang atlet wanita), 2 atlet renang (seorang atlet wanita), 2 orang atlet berbasikal, seorang penembak dan 2 orang atlet ping pong.
- Sukan badminton dan taekwondo hanya menjadi acara demonstrasi.

1992 - Sukan Olimpik Barcelona

Pingat pertama dimenangi Malaysia iaitu pingat gangsa menerusi sukan badminton beregu lelaki (Gandingan Razif Sidek dan Jalani Sidek)

1996 - Sukan Olimpik Atlanta

- Pingat perak menerusi sukan badminton beregu lelaki (gandingan Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock)
- Pingat gangsa menerusi sukan badminton perseorangan lelaki (Rashid Sidek)

2000 - Sukan Olimpik Sydney

Lee Wan Yuen menjadi atlet taekwondo wanita pertama Malaysia yang berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik Sydney selepas acara tersebut dimasukkan secara rasmi sebagai sukan yang dipertandingkan pada Sukan Olimpik 2000.

2004 - Sukan Olimpik Athens

- Josiah Ng menjadi atlet lumba basikal pertama Malaysia yang berjaya ke peringkat akhir acara keirin
- Lim Keng Liat menjadi atlet renang pertama Negara yang berjaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir acara 100m kuak lentang

2008 - Sukan Olimpik Beijing

Pingat perak menerusi sukan badminton perseorangan lelaki (Datuk Lee Chong Wei)

2012 - Sukan Olimpik London

- Pingat perak menerusi sukan badminton perseorangan lelaki (Datuk Lee Chong Wei)
- Pingat gangsa menerusi acara terjun platform 10 meter wanita (Pandeleta Rinong Pang)

2016 - Sukan Olimpik Rio, Brazil

- Pingat perak menerusi acara terjun platform 10 meter seirama wanita (Gandingan Pandelela Rinong Pang dan Cheong Jun Hoong)
- Pingat Gangsa menerusi acara keirin trek berbasikal lelaki (Azizulhasni Awang)
- Pingat perak menerusi sukan badminton beregu campuran (Gandingan Chan Peng Soon dan Goh Liu Ying)
- Pingat perak menerusi sukan badminton beregu lelaki (Gandingan Goh V Shem dan Tan Wee Kiong)
- Pingat perak menerusi badminton perseorangan lelaki (Datuk Lee Chong Wei)

ISSN 2180 4044

BULETIN

FAKTA

EDISI WANITA DALAM SUKAN

INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Vol 1 Mac 2020
www.iyres.gov.my



KENALI ATLET WANITA NEGARA DI PENTAS ANTARABANGSA

Oleh : Siti Shazwani Md Yusoff

Malaysia sekali lagi melakar sejarah apabila 10 orang atlet negara berjaya menempah tiket ke Sukan Olimpik 2020 sehingga Mac tahun ini walaupun Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa telah menangguhkan Sukan Olimpik Tokyo 2020 sehingga tahun depan, ekoran penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia. Namun, tahukah anda bahawa sejumlah 8 orang atlet tersebut merupakan atlet wanita?

Kehebatan atlet wanita Negara ke sukan bertaraf antarabangsa ini tidak dapat disangkal lagi melalui pencapaian beberapa siri kejayaan secara konsisten di pentas antarabangsa. Hasil usaha gigih mereka menjadi inspirasi kepada masyarakat Malaysia khususnya kaum wanita dan membuktikan bahawa wanita juga mampu berjaya serta bersaing dalam bidang sukan seiring dengan penglibatan golongan lelaki.

Zaman kini bukanlah sesuatu yang asing apabila wanita bersaing dalam acara sukan walaupun suatu ketika dahulu penglibatan wanita tidaklah begitu terkenal berbanding lelaki. Namun, tidak dinafikan dari semasa ke semasa penglibatan wanita dalam sukan mula mendapat perhatian apabila kejayaan mereka menyumbang kepada kemasyhuran Malaysia.

Mengangkat tema Wanita Dalam Sukan atau Women In Sports, Kementerian Belia Dan Sukan telah membangunkan Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2020 – 2025 yang menyasarkan penglibatan wanita dalam sukan ditingkatkan dengan ketara melihatkan kepada potensi dan impaknya yang cukup besar terhadap pembangunan sukan negara.

Umum mengetahui bahawa bidang sukan adalah lebih mencabar bagi golongan wanita apabila memperuntukkan usaha dua kali ganda berbanding lelaki, namun kejayaan atlet wanita yang layak ke Sukan Olimpik sudah semestinya menjadi inspirasi kepada golongan wanita bahawa mereka juga layak untuk menceburi industri sukan dan mengekalkan gaya hidup aktif. Sudah semestinya secara tidak langsung ia juga dapat meningkatkan jati diri dan keyakinan wanita untuk mencapai apa jua impian hidup mereka.

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA

PANDELELA RINONG ANAK PAMG

Tarikh Lahir : 2 Mac 1993 (27 tahun)

Asal : Bau, Sarawak

Acara : Akuatik Terjun



PENCAPAIAN

SUKAN SEA

2017 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur 2017
Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur 2017

2015 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Singapura 2015

SUKAN KOMANWEL

2018 : Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Komanwel Gold Coast Australia
Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel Gold Coast Australia

2010 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel New Delhi, India
Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel New Delhi, India

SUKAN ASIA

2014 : Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Incheon 2014

2010 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia 2010 Guangzhou

2010 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel New Delhi 2010
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Olimpik Remaja 2010 Singapura
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Olimpik Remaja 2010 Singapura
Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia 2010 Guangzhou

2009 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Tenggara 2009 Vientiane
Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Tenggara 2009 Vientiane
Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Dunia Akuatik 2009 Rome

2007 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Tenggara 2007 Thailand

SUKAN OLIMPIK

2016 : Perak Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Olimpik Musim Panas Rio, Brazil

2012 : Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Olimpik Musim Panas London

KEJOHANAN DUNIA

2018 : Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Siri Akuatik Dunia FINA Fuji, Jepun
Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Siri Akuatik Dunia FINA Beijing, China

2017 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Malaysia 2017
Emas Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Gold Coast, Australia

Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Gold Coast, Australia

Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Akuatik Dunia FINA Budapest, Hungary

2016 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Piala Dunia Akuatik FINA Rio, Brazil

2015 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Gold Coast, Australia

Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Kuala Lumpur, Malaysia

Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Akuatik Dunia FINA Kazan, Rusia

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA



LEONG MUN YEE

Tarikh Lahir : 4 Disember 1984 (36 tahun)

Asal : Ipoh, Perak

Acara : Akuatik Terjun

PENCAPAIAN

SUKAN SEA

- 2017 : Emas Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur
Emas Terjun Seirama Campuran (Platform 10 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur
2015 : Emas Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Singapura
2013 : Emas Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Myanmar
2011 : Emas Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan SEA Palembang, Indonesia
Emas Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Palembang, Indonesia

SUKAN KOMANWEL

- 2018 : Gangsa Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Komanwel Gold Coast, Australia
Emas Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel Gold Coast, Australia

SUKAN ASIA

- 2014 : Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Incheon, Korea
2010 : Perak Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Guangzhou, China
Perak Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Guangzhou, China

KEJOHANAN DUNIA

- 2017 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Kuala Lumpur, Malaysia
Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Gold Coast, Australia
2016 : Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Siri Dunia FINA Kazan, Rusia
Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Siri Dunia FINA Beijing, China
2015 : Perak Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Siri Dunia FINA London
Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Siri Dunia FINA Merida, Mexico
2014 : Perak Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Piala Dunia FINA Shanghai, China
2013 : Perak Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) FINA Diving Grand Prix Ft. Lauderdale, Amerika Syarikat
Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Dunia FINA Barcelona, Sepanyol
2009 : Gangsa Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Kejohanan Dunia FINA Rome, Itali

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA



NURAISYAH BINTI JAMIL

Tarikh Lahir : 12 Julai 1996 (24 tahun)
Asal : Johor
Sukan : Pelayaran - International 470 (Berpasangan) Wanita
Pasangan Sukan : Juni Karimah Binti Noor Jamali

JUNI KARIMAH BINTI NOOR JAMALI

Tarikh Lahir : 31 Oktober 2002 (18 tahun)
Asal : Kedah
Sukan : Pelayaran - International 470 (Berpasangan) Wanita
Pasangan Sukan : Nuraisyah Binti Jamil

PENCAPAIAN

SUKAN ASIA

2014 : Gangsa Pelayaran - International 470 (Berpasangan) Wanita Sukan Asia Palembang, Indonesia

KEJOHANAN DUNIA

2019 : Tempat Kelima Keseluruhan Kategori International 470, Kejohanan Perahu Layar 470 Antarabangsa Asia 2019 Shenzhen, China

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA

FARAH ANN ABDUL HADI

Tarikh Lahir : 3 Mei 1994 (26 tahun)
Asal : Subang Jaya, Selangor
Acara : Gimnastik Artistik



PENCAPAIAN

SUKAN SEA

- 2019 : Emas Individu Keseluruhan Sukan SEA 2019 Filipina
Emas Palang Tidak Sejajar Sukan SEA 2019 Filipina
Emas Senaman Lantai Sukan SEA 2019 Filipina
- 2017 : Emas Acara Berpasukan Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur
Emas Senaman Lantai Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur
- 2015 : Emas Acara Berpasukan Malaysia Sukan SEA 2015 Singapura
Emas Senaman Lantai Sukan SEA 2015 Singapura
Perak Individu Keseluruhan Sukan SEA 2015 Singapura
Gangsa Acara Melombol Sukan SEA 2015 Singapura
Gangsa Acara Palang Bertingkat Sukan SEA 2015 Singapura
Gangsa Acara Batang Titian Sukan SEA 2015 Singapura

SUKAN KOMANWEL

- 2014 : Gangsa Senaman Lantai dan Acara Berpasukan Artistic Celtic Cup-Commonwealth Invitational di Perth, Australia

SUKAN OLIMPIK

- 2010 : Keempat Acara Berpasukan Sukan Olimpik New Delhi

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA

NUR DHABITAH SABRI

Tarikh Lahir : 12 Julai 1999 (21 tahun)
Asal : Kuala Lumpur
Acara : Akuatik Terjun



PENCAPAIAN

SUKAN SEA

- 2017 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Kuala Lumpur
2015 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Singapura
2013 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Myanmar

SUKAN KOMANWEL

- 2018 : Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel Gold Coast, Australia
Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Komanwel Gold Coast, Australia
2014 : Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Komanwel Glasgow, Scotland

SUKAN ASIA

- 2018 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Jakarta, Indonesia
Gangsa Acara Terjun Seirama Wanita (Platform 10 meter) Sukan Asia Jakarta, Indonesia
Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Jakarta, Indonesia

SUKAN OLIMPIK

- 2016 : Tempat ke-5 Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Olimpik Musim Panas Rio, Brazil
Tempat ke-9 Acara Terjun Individu Wanita (Platform 10 meter) Sukan Olimpik Musim Panas Rio, Brazil

KEJOHANAN DUNIA

- 2019 : Gangsa Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Kejohanan Siri Dunia London
2015 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) FINA Diving Grand Prix Kuala Lumpur
2017 : Perak Acara Terjun Seirama Campuran (Papan anjal 3 meter) FINA Diving Grand Prix Kuala Lumpur


PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA

WENDY NG YAN YEE

Tarikh Lahir : 11 Julai 1993 (27 tahun)

Asal : Kuala Lumpur

Acara : Akuatik Terjun



PENCAPAIAN

SUKAN SEA

- 2019 : Emas Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Filipina
Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Filipina
- 2015 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Filipina
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Filipina
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Singapura
- 2013 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Myanmar
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Myanmar
- 2011 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Palembang, Indonesia
Perak Acara Terjun Individu Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan SEA Palembang, Indonesia

SUKAN ASIA

- 2018 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Jakarta, Indonesia
- 2014 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Incheon, Korea
- 2010 : Perak Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan Asia Guangzhou, China

KEJOHANAN DUNIA

- 2013 : Emas Acara Terjun Seirama Wanita (Papan anjal 3 meter) Sukan FINA Diving Grand Prix Fort Lauderdale, Florida

PENCAPAIAN ATLET WANITA DI PERSADA DUNIA

NUR SHAZRIN MOHD LATIFF

Tarikh Lahir : 2 Februari 1998 (22 tahun)

Asal : Johor

Sukan : Pelayaran (Laser Radial) Wanita



PENCAPAIAN

SUKAN SEA

2017 : Perak Kategori Laser Radial Wanita (Individu) Sukan SEA Kuala Lumpur
Gangsa Kategori Laser Radial Wanita (Berkumpulan) Sukan SEA Kuala Lumpur

2015 : Emas Kategori Laser Radial Wanita (Individu) Sukan SEA Singapura
Emas Kategori Laser Radial Wanita (Berkumpulan) Sukan SEA Singapura

SUKAN ASIA

2018 : Gangsa Kategori Laser Radial Wanita (Individu) Sukan Asia Palembang, Indonesia

2016 : Perak Kategori Laser Radial Wanita (Individu) Kejohanan ASAFAF Asia Cup, Abu Dhabi

SUKAN OLIMPIK

2016 : Kelayakan bertanding acara Laser Radial Wanita Sukan Olimpik Musim Panas Rio, Brazil

KEJOHANAN DUNIA

2016 : Perak Kategori Laser Radial Wanita (Individu) Kejohanan Perahu Layar ASAFAF Abu Dhabi